

Ahad, 3 November 2019 | 2:23pm



**PENGARAH** Zon Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Semporna, Komander Norrimi Hassan melihat tong yang mengandungi minyak petrol yang dirampas pada sidang media di Semporna, hari ini. - Foto Abdul Rahemang Taiming

## Cubaan seludup 6,500 petrol ke Filipina tumpas

Oleh Abdul Rahemang Taiming  
bhnews@bh.com.my

**SEMPORNA:** Sejumlah 6,500 liter petrol bernilai kira-kira RM68,000 dirampas dari dua lelaki suku Pala'uh yang disyaki cuba menyeludup keluar bahan api itu ke negara jiran melalui kawasan perairan berhampiran Pulau Boheyan Dulang, di sini semalam.

Pengarah Zon Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Semporna, Komander Norrimi Hassan, berkata anggotanya sedang menjalankan rondaan rutin di lokasi berkenaan sebelum mengesan kehadiran sebuah bot jongkong dalam keadaan mencurigakan pada jam 1 pagi.

"Anggota bertugas kemudian mengekori bot jongkong itu dan cuba memintasnya. Bagaimanapun, bot jongkong dinaiki dua suspek itu memecut laju untuk meloloskan diri sebaik menyedari kehadiran pihak berkuasa.

"Bagaimanapun, bot jongkong itu berjaya ditahan sebelum pemeriksaan lanjut menemui 260 tong mengandungi minyak petrol disyaki cuba diseludup keluar ke Sitangkai, Filipina," katanya pada sidang media, di sini hari ini.



Norrimi berkata, kedua-dua suspek berusia 31 dan 35 tahun itu juga tidak memiliki dokumen pengenalan diri, selain gagal mengemukakan permit atau lesen daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk membawa keluar barang kawalan berkenaan.

"Kita tidak menolak kemungkinan kegiatan ini didalangi sindiket tertentu untuk dijual di kawasan pulau berhampiran negara jiran. Rampasan ini adalah yang terbesar membabitkan barang kawalan (petrol dan diesel) untuk Zon Maritim Malaysia Semporna, malah ia kes kelima direkodkan tahun ini.

"Kesemua barang rampasan, termasuk bot jongkong berkenaan ditunda ke Jeti Kem Azumi, Semporna untuk siasatan lanjut mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

